

PETRAL BULWER
Bulwer's Petrel

FAMILI: Procellariidae
NAMA SAINTIFIK: *Bulweria bulwerii*

CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini menyerupai spesies Stom-petral Swinhoe, *Oceanodroma monorhis*, tetapi ia mempunyai saiz yang lebih besar di mana bahagian sayap adalah lebih panjang serta bahagian ekor yang bercabang (selalunya kelihatan tertutup ketika terbang). Pada bahagian atas sayap, kelihatan kurang jalur pudar yang merentasi bahagian pangkal sayap serta jalur-jalur putih pada bahagian bawah primer sayap. Ciri-ciri mengenai individu juvenil bagi spesies ini belum didokumentasi sepenuhnya. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 26-27 sm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini terdiri daripada sotong, organ haiwan yang mati, telur dan burung-burung yang belum matang serta anak penyu.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan lautan yang terbuka.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *uh-uh-uh-uh*.

PEMBIAKAN

Spesies ini membiak secara monogami tetapi dalam satu koloni yang besar. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 1 biji dan berwarna putih.